



USM UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



PPK332/4 – PENDIDIKAN KHAS PERINGKAT AWAL KANAK-KANAK

SIDANG AKADEMIK 2020/2021

SEMESTER 1

TUGASAN INDIVIDU

DISEDIAKAN OLEH:



NAMA: NURUL FIKRAH BINTI AZIZ

EMAIL: nurulfikrah091@gmail.com

NO KAD PENGENALAN: 980207115208

NO MATRIK: 141428

DISEDIAKAN UNTUK: DR LOW HUI MIN

TARIKH: 10 FEBUARI 2021

Tugas esei ini mengandungi SATU (1) soalan. Soalan perlu dijawab dengan sekurang-kurangnya 900 patah perkataan dalam word/pdf format. (30%)

Sani ialah seorang budak **bermasalah pendengaran berumur 2 tahun**. Pilih **TIGA (3) domain perkembangan kanak-kanak**. Untuk setiap domain perkembangan, terangkan **SATU (1) aktiviti intervensi yang sesuai untuk Sani**.

Untuk setiap aktiviti, jawapan anda akan dinilai dari segi:

Pilihan aktiviti yang sesuai - 2%

Sebab pilihan - 3%

Penghuraian tentang aktiviti - 3%

Kreativiti - 2%

$10\% \times 3 = 30\%$

Pengenalan

Hallahan dan Kauffman (1991) mendefinisikan bahawa kanak-kanak bermasalah pendengaran sebagai mereka yang tidak dapat mendengar pada tahap-tahap intensiti atau kekuatan bunyi. Kanak-kanak bermasalah pendengaran adalah sinonim dengan kanak-kanak yang mengalami masalah komunikasi sosial serta perkembangan akademik. Menurut Mojuntin Ebin (1997), mereka yang bermasalah pendengaran mengalami kelambatan dalam perkembangan pertuturan dan bahasa. Disebabkan faktor tidak dapat mendengar dan bertutur, mereka tidak mempunyai keupayaan untuk berfikir seperti murid-murid lain dan akhirnya menyebabkan perkembangan kognitif mereka terbantut. Kelambatan ini turut memberi kesan kepada perkembangan domain yang lain.

Masalah pendengaran merupakan sesuatu kecacatan saraf yang paling kerap berlaku di dalam suatu populasi manusia. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan hampir 250 juta penduduk dunia mengalami masalah pendengaran. Kejadian masalah pendengaran kongenital dianggarkan seramai 1 hingga 3 orang di dalam setiap 1000 kelahiran. Kira-kira 50 peratus daripada kes berkenaan disebabkan oleh faktor genetik atau pendedahan kepada faktor persekitaran yang lain (Morton, 1991). Berdasarkan jumlah penduduk Malaysia seramai 23.8 juta orang pada tahun 2002, anggaran menunjukkan 840 bayi yang bermasalah pendengaran akan dilahirkan pada setiap tahun.

Pendengaran memainkan peranan penting untuk menguasai kemahiran berkomunikasi. Seorang kanak-kanak yang mengalami masalah pendengaran boleh menyebabkan mereka sukar untuk menguasai pertuturan dan seterusnya kesukaran dalam menguasai bahasa. Kegagalan untuk menguasai bahasa akan mengakibatkan kesukaran untuk berinteraksi, belajar dan juga menyesuaikan diri dalam persekitaran sosial. Secara tidak langsung perkembangan dalam domain sosio-emosi dan tingkah juga akan terjejas kerana permasalahan dalam perkembangan domain kognitif dan interaksi sosial kanak-kanak bermasalah pendengaran. Kanak-kanak masalah pendengaran memerlukan bahasa untuk berkomunikasi. Keperluan terhadap bahasa kanak-kanak masalah pendengaran sama pentingnya dengan keperluan bahasa kanak-kanak normal. Mereka memerlukan bahasa untuk menyampaikan atau meluahkan hasrat, perasaan dan emosi mereka, meskipun terdapat perbezaan yang nyata iaitu antara lisan dan bukan lisan. Kedua-duanya amat penting sebagai medium komunikasi dalam kehidupan manusia. Oleh itu, jelaslah bahawa terdapat kelambatan perkembangan dalam diri kanak-kanak masalah pendengaran seperti kelambatan perkembangan domain kognitif, komunikasi dan bahasa serta perkembangan sosio-emosi.

Perkembangan Domain kognitif dan Aktiviti Intervensi

Permasalahan dalam domain kognitif juga sama maksud dengan permasalahan intelektual. Masalah kognitif dikenali sebagai masalah intelektual atau kerencatan akal. Kanak-kanak masalah pendengaran mengalami permasalahan ini kerana mereka tidak mampu mendengar dan menyebabkan penguasaan mereka dalam bahasa akan menjejaskan perkembangan kognitif mereka. Kanak-kanak bermasalah pendengaran yang mempunyai kelambatan perkembangan kognitif atau intelektual seperti Sani mungkin mempunyai masalah adaptasi dan ingatan yang menyebabkan mereka tidak dapat untuk membuat proses 'generalisasi' kemahiran yang dipelajari mereka sejak di awal usia. Hal ini berbeza dengan kanak-kanak normal yang mampu belajar pelbagai perkara dengan pantas di awal usia 2 tahun kerana mereka dapat menguasai Bahasa dengan baik. Oleh itu, perkembangan domain mereka berlaku lebih pesat berbanding dengan kanak-kanak seperti Sani.

Ibu bapa di rumah boleh menggunakan pelbagai medium pengajaran untuk membantu meningkatkan perkembangan kognitif anak. Ibu bapa mungkin boleh menggunakan cara pengajaran adaptasi bahan pengajaran. Ibu bapa perlu menggunakan bahan yang konkrit supaya dapat membantu kemahiran intelektual kanak-kanak masalah pendengaran seperti Sani. Ibu bapa boleh menggunakan pelbagai bahan yang konkrit untuk mengajar konsep yang abstrak sebagai pembelajaran awal untuk Sani. Hal ini bertujuan untuk memberi kefahaman yang lebih mendalam memandangkan Sani mengalami masalah pendengaran yang menyebabkan pengajaran konsep abstrak ini sangat penting. Sebagai contohnya, mengajar kanak-kanak bermasalah pendengaran untuk mengenal warna, huruf serta nombor dan pengajaran berbentuk visual seperti gambar untuk memberi ingatan kepada Sani seperti gambar membasuh tangan, pengurusan diri dan lain-lain

Oleh itu, terdapat beberapa aktiviti intervensi untuk meningkatkan perkembangan kognitif Sani. Antaranya ialah **aktiviti mewarna**. Aktiviti mewarna dapat memperkenalkan warna kepada Sani. Aktiviti mewarna dapat melatih kanak-kanak untuk memberikan tumpuan kepada aktiviti yang dilakukan. Sani perlu menumpukan perhatian kepada pergerakan pensel warna dan tugasannya atas kertas. Selain itu, kepelbagaian warna akan menarik minat kanak-kanak bermasalah pendengaran untuk belajar. Justeru, cara ini boleh dijadikan sesi pengenalan kepada warna. Kepelbagaian warna yang diperkenalkan adalah cara yang berkesan untuk menjadikan kanak-kanak dapat mengenal pasti setiap warna.

Sebagai contohnya, ibu bapa boleh memberitahu kanak-kanak seperti bahawa ‘warna merah sama seperti warna bibir kita’, ‘warna hitam sama dengan warna rambut kita’ dan lain-lain lagi. Secara tidak langsung Sani akan dapat mengenal pasti perbezaan warna dengan memandangkan warna yang ada di persekitarannya. Ibu bapa perlu memastikan bahawa kanak-kanak seperti Sani dapat membuat proses generalisasi daripada aktiviti mewarna dengan warna-warna yang ada di persekitarannya seperti warna permandangan. Kesannya, kanak-kanak masalah pendengaran akan menggunakan penglihatannya untuk generalisasi ilmu yang dilihat iaitu warna. Selain itu, ibu bapa boleh mengajar anak mewarna mengikut warna-warna persekitaran. Kita perlu membiasakan kanak-kanak seperti Sani mempraktikkan mewarna ikut warna realiti. Contohnya, daun berwarna hijau, tanah berwarna coklat dan langit berwarna biru. Pengajaran seperti ini akan lebih membantu kanak-kanak masalah pendengaran untuk meningkatkan perkembangan domain kognitif mereka.

Perkembangan Domain komunikasi dan Bahasa serta Aktiviti Intervensi

Kanak-kanak masalah pendengaran seperti Sani akan mengalami masalah perkembangan komunikasi dan bahasa. Komunikasi ini terbahagi kepada komunikasi lisan dan bukan lisan. Bukan lisan bermaksud dari segi memek muka, pergerakan badan dan hubungan mata. Mereka yang mempunyai masalah pendengaran ini mempunyai tahap pendengaran yang berbeza seperti tahap intensiti yang berbeza. Kita boleh mengklasifikasikan masalah pendengaran kepada dua keadaan iaitu pekak yang bermaksud tidak dapat mendengar langsung walaupun dengan bantuan alat bantu dengar (*hearing aid*). Kedua ialah, separa pekak atau kurang/kesukaran pendengaran. Hal ini bermakna kanak-kanak yang berada di peringkat ini masih mempunyai sisa-sisa pendengaran untuk mengamati perbualan atau bunyi-bunyi dalam persekitaran, dan boleh mendengar dengan alat bantu dengar. Oleh hal yang demikian, perkembangan komunikasi dan bahasa juga akan berbeza kerana tahap pendengaran yang berbeza. Namun begitu perbezaan yang dialami tidak terlampau ketara. Kesannya, sesetengah kanak-kanak masalah pendengaran hanya mampu belajar bahasa dan membaca dengan melihat sahaja. Oleh itu, ibu bapa boleh menjalankan beberapa aktiviti bersesuaian dengan Sani yang berusia 2 tahun dengan masalah pendengaran untuk meningkatkan kemahiran komunikasi dan bahasa.

Antaranya ialah **aktiviti terapi pertuturan** di rumah. Terapi ini kebiasaanya dijalankan oleh pakar terapi pertuturan. Namun begitu, terapi ini boleh juga dijalankan di rumah dengan ibu bapa memandangkan jangka masa anak bersama dengan ibu bapa lebih lama dari bersama dengan pakar terapi. Terapi pertuturan penting untuk membantu dan merangsang pertuturan dan komunikasi kanak-kanak masalah pendengaran seperti Sani. Terapi pertuturan dapat membantu merangsang alat-alat pertuturan kanak-kanak dan meningkatkan tahap komunikasi kanak-kanak seperti Sani. Contohnya, apabila terapi pertuturan dilakukan, secara langsung alat-alat pertuturan seperti mulut, lidah, gigi dan gusi akan bergerak dan bertindak balas antara satu sama lain. Hal ini akan membantu Sani berkomunikasi dengan cara yang lebih baik dan berkesan. Di sini, kita dapat merujuk kepada kanak-kanak masalah pendengaran yang masih mempunyai sisa-sisa pendengaran dan mereka masih boleh bertutur sekiranya mereka menerima latihan terapi. Secara tidak langsung, ia dapat membantu kanak-kanak bermasalah pendengaran untuk menghasilkan bunyi seperti bunyi-bunyi vokal atau bunyi menggomam. Contohnya, bunyi 'Aaaaaa', 'paaaa', dan 'maaaa'. Antar aktiviti yang boleh dijalankan dalam terapi ini seperti **melakukan latihan senaman muka dengan menggunakan kad imbas berlamina**. Ibu bapa dan Sani boleh sama-sama melakukan aktiviti ini. Aktiviti secara bersama-sama memudahkan Sani untuk meniru perbuatan ibu bapanya. Hal ini bertepatan dengan teori perkembangan kanak-kanak Vigotsky dan teori pemodelan Albert Bandura. Kedua-dua teori ini mengatakan bahawa semua kanak-kanak akan belajar dari persekitaran seterusnya akan meniru perkara yang dilihat oleh mereka. Ibu bapa boleh meminta Sani untuk meniru memek muka berdasarkan gambar di kad imbas berlamina. Contoh gambar memek muka senyum, marah, menangis, dan memek muka ketawa. Gambar-gambar ini merupakan antara gambar yang mudah ditiru dan bersesuaian dengan Sani yang berusia 2 tahun. Selain dari gambar memek muka, kad imbas berlamina juga boleh menggunakan gambar-gambar objek lain di sekeliling Sani bagi merangsang keupayaan komunikasi mereka. Latihan senaman muka ini dipilih kerana bersesuaian dengan kanak-kanak masalah pendengaran seperti Sani yang dapat meningkatkan kefahaman Sani tentang ekspresi muka seseorang. Kesannya, komunikasi dengan persekitarannya yang dijalankan akan lebih berkesan sejajar dengan peningkatan usia Sani kerana Sani dapat memahami emosi orang lain berdasarkan memek muka individu yang dilihat walaupun Sani mempunyai masalah pendengaran.

Perkembangan Domain Sosio-emosi dan Aktiviti Intervensi

Perkembangan sosio-emosi adalah salah satu domain perkembangan yang sangat penting kepada kanak-kanak tanpa mengira ketidakupayaan. Menurut Goleman (1999) kecerdasan emosi adalah prasyarat untuk keberkesanan kecerdasan intelek. Hal ini bermakna, kecerdasan Intelek tidak dapat berfungsi dengan baik sekiranya bahagian otak rosak akibat kecacatan emosi. Goleman (1999) mengaitkan kawalan emosi sebagai *master aptitude* dan mencadangkan kebolehan mengawal emosi adalah sesuatu yang kritikal bagi membolehkan proses kognitif berlaku. Manakala, Mohd Azhar Abd Hamid (2005) mengaitkan unsur-unsur yang berkaitan dengan kecerdasan emosi dengan kemahiran sosial kanak-kanak.

Menurut satu kajian yang bertajuk, **Perkembangan Kecerdasan Emosi Kanak-kanak Prasekolah Bermasalah Pendengaran: Implikasinya Terhadap Penglibatan Ibu Bapa** telah menerangkan tentang sosio-emosi kanak-kanak masalah pendengaran. Dijelaskan bahawa kanak-kanak seperti Sani amat lemah dalam konstruk mengurus emosi sendiri dan menjalinkan hubungan sosial sejak di awal usia. Dalam konteks hubungan sosial, kanak-kanak masalah pendengaran, kurang bertoleransi dalam aktiviti permainan, tidak suka bersosial dengan orang lain dan lain-lain lagi. Dari aspek pengurusan emosi, kanak-kanak masalah pendengaran seperti Sani ini sering menunjukkan emosi negatif seperti, marah ataupun mengalami tantrum apabila terasa diganggu, dan mengamuk apabila keinginan mereka tidak dipenuhi. Tegasnya, kanak-kanak bermasalah pendengaran tidak berkebolehan dalam mengurus pelbagai emosi secara efektif semasa berhadapan dan berhubungan dengan orang lain. Mereka juga tidak mampu mentafsirkan situasi sosial yang berlaku di sekelilingnya tanpa bantuan ibu bapa. Oleh itu, sangat penting untuk ibu bapa dan pakar terapi membantu kanak-kanak seperti Sani untuk meningkatkan perkembangan sosio-emosi mereka. Oleh itu, terdapat beberapa aktiviti intervensi yang bersesuaian untuk dijalankan.

Antara aktiviti yang boleh dijalankan untuk meningkatkan perkembangan sosio-emosi ialah **permainan blok**. Sebagaimana penglibatan ibu bapa dalam intervensi awal, penyertaan mereka dalam permainan juga adalah berasaskan rumah dan bertindak sebagai peserta dan penyokong. Penyertaan ibu bapa dalam permainan blok bertujuan meningkatkan interaksi anak masalah pendengaran dengan ibu bapa dan membantu anak meningkatkan potensinya dalam kognitif juga. Model yang digunakan adalah model *reciprocal* interaksi ibu bapa (Yen 2010). Dalam permainan blok, ibu bapa berperanan sebagai pemerhati, pendengar dan penyokong.

Tindakan seperti ini oleh ibu bapa amat bertepatan dengan strategi dorongan yang digalakkan dalam Pendidikan khas. Penglibatan ibu bapa juga dapat memperbanyakkan perbualan dan memahami anak secara lebih mendalam atau dengan kata lain ibu bapa akan bersikap empati dengan anak mereka. Permainan blok ini dipilih untuk meningkatkan perkembangan sosio-emosi adalah kerana permainan ini dapat membina kemahiran kanak-kanak dalam domain perkembangan sosio-emosi, sekaligus perkembangan kognitif dan psikomotor. Selain dapat mengaktifkan pergerakan dan memanipulasi fizikal, bermain memberikan peluang kepada kanak-kanak masalah pendengaran membina pengalaman sebenar dan menggunakannya untuk membina konsep supaya mereka lebih dapat memahami dunia sebenar. Konsep matematik, bahasa, sains dan kreativiti boleh dibina dan ditingkatkan menerusi permainan blok walaupun Sani baru sahaja berusia 2 tahun tetapi perkembangan sosio-emosi perlu dibina pada awal usia agar Sani dapat berkembang dengan baik seperti kanak-kanak normal yang lain yang akan menyumbang kepada aspek perkembangan yang lain. Apabila bermain, kanak-kanak masalah pendengaran terutamanya akan mengalami dan terdedah dengan pelbagai emosi. Bantuan dan sokongan daripada ibu bapa mampu membantu mereka mengenal emosi sendiri, memahami cara untuk menguruskan emosi, mengenal emosi orang lain, dan menggunakan komunikasi berkesan untuk menenangkan emosi negatif. Disamping itu, permainan blok memberikan peluang kepada ibu bapa kekal duduk bersama kanak-kanak serta menunjukkan pertimbangan dan penghormatan dan pemahaman ibu bapa kepada anak. Pembinaan hubungan atau interaksi antara ibu bapa dengan kanak-kanak akan berlaku apabila ibu bapa memerhati, berkomunikasi, dan memberi respons kepada anak masalah pendengaran. Kualiti hubungan dan interaksi ibu bapa dengan anak akan lebih meningkat sekaligus meningkatkan sosio-emosi Sani yang berusia 2 tahun.

Kesimpulan

Perkembangan domain dapat ditingkatkan dalam diri Sani dengan menjalankan beberapa aktiviti intervensi untuk merangsang kognitif, komunikasi dan bahasa serta sosio-emosi. Pembangunan kecerdasan dalam 3 aspek domain yang dijelaskan ini sangat penting untuk perkembangan peribadi kanak-kanak masalah pendengaran secara menyeluruh. Kecerdasan kognitif, kemahiran komunikasi dan berbahasa serta kecerdasan emosi menentukan keupayaan kanak-kanak masalah pendengaran membina estim sendiri dan efikasi sendiri supaya dapat menyesuaikan dirinya dalam persekitaran agar dapat diterima dan

dihargai walaupun mereka mempunyai kelainan upaya dengan kanak-kanak normal. Pembangunan kecerdasan dalam perkembangan domain sosial kanak-kanak tanpa mengira ketidakupayaan sangat dipengaruhi oleh didikan dan dorongan ibu bapa. Sejauh mana kejayaan didikan ibu bapa adalah bergantung kepada sejauh mana penglibatan ibu bapa dalam menyediakan kanak-kanak masalah pendengaran dengan pembangunan sendiri yang sihat. Penglibatan ibu bapa dan sokongan luar dalam intervensi awal dan aktiviti permainan bersama kanak-kanak masalah pendengaran adalah signifikan dengan perkembangan kognitif, komunikasi dan Bahasa serta sosio-emosi kanak-kanak. Intervensi dan aktiviti permainan bersama kanak-kanak masalah pendengaran memberikan ibu bapa strategi-strategi berkesan untuk menggalakkan tingkah laku sesuai dan menghapuskan tingkah laku negatif dalam diri mereka.